

## Sungai sempit, lapan kali rumah dinaiki air

Oleh: Siti Zaherah Harun, 1180224 @ 24 November 2020



Anak lelaki Noranizam sedang membersihkan ruang luar rumahnya yang dilanda banjir itu.

RAUB: Keadaan banjir yang berpunca daripada sungai yang sempit dan tidak diurus dengan betul adalah antara sebab rumah penduduk Kampung Kuala Dong sudah lapan kali dinaiki air sejak pertengahan Jun hingga sekarang.

Noranizam Othman, 50, antara mangsa banjir yang terpaksa berpindah ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Dewan Serbaguna Kampung Pia, kelmarin.



Keadaan luar rumah Noranizam Othman yang ditenggelami air selama tiga hari selepas banjir surut.

“Rumah saya bukanlah terletak di tepi sungai tetapi disebabkan oleh anak sungai yang tidak digali dengan betul lama-kelamaan menjadi tersumbat apabila banjir,” katanya.

Sementara itu, Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Raub, Khairul Anuar Yaacob turut terlibat dengan operasi pemindahan mangsa banjir ini bersama anggota-anggota lain.

Menurutnya, longkang atau sungai tersumbat juga salah satu punca penyebab banjir terutama di kawasan terbabit daripada aspek mikro.

Tambahnya lagi, pihak Bomba dan Penyelamat mengambil kira kedua-dua aspek iaitu mikro dan makro namun tumpuan lebih diberikan kepada aspek makro.

“Rancangan Tebatan Banjir mampu mengurangkan risiko banjir berskala besar. Jika dilihat dari aspek mikro, mungkin bahagian sungai-sungai kecil yang tidak digali terutamanya kawasan pedalaman boleh menyebabkan banjir.

“Kesedaran orang awam dan penduduk kampung juga diperlukan dalam melaksanakan gotong-royong dan memastikan tiada sampah atau bendasing dalam saluran longkang atau sungai terlibat,” menurutnya lagi dalam kenyataan.